



27 September 2012  
27 September 2012  
P.U. (A) 318

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN (PINDAAN)  
(NO. 3) 2012

*FOOD (AMENDMENT)(NO. 3) REGULATIONS 2012*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN (PINDAAN) (NO. 3) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 34 Akta Makanan 1983 [Akta 281], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama**

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Makanan (Pindaan) (No. 3) 2012**.

**Pindaan peraturan 22**

2. Peraturan-Peraturan Makanan 1985 [P.U. (A) 437/1985], yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan menggantikan peraturan 22 dengan peraturan yang berikut:

"22. (1) Dalam Peraturan-Peraturan ini, "bahan perisa" ertinya apa-apa bahan yang ditakrif secara kimia dengan sifat perisa sama ada dibentuk melalui sintesis kimia atau diperolehi daripada bahan yang berasal daripada tumbuhan atau haiwan.

(2) Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, "bahan perisa asli" ertinya apa-apa bahan perisa yang diperolehi melalui proses fizik yang boleh menyebabkan perubahan yang tidak dapat dielakkan tetapi tidak disengajakan dalam struktur kimia komponen perisa itu, atau melalui proses enzimitik atau mikrobiologi daripada bahan yang berasal daripada tumbuhan atau haiwan, dan bukan bahasa perisa sintetik atau apa-apa bahan perisa yang dibentuk melalui sintesis kimia.

(3) Bahan perisa dibenarkan adalah seperti yang berikut:

(a) Bahan yang disenaraikan dalam sekurang-kurangnya satu daripada penerbitan berikut:

(i) *Generally Recognised As Safe (GRAS) Flavoring Substances* yang diterbitkan oleh *Flavor and Extract Manufacturers' Association of the United States (FEMA)* yang terkandung dalam *Food Technology*, suatu penerbitan oleh *Institute of Food Technologists*; atau

(ii) *Flavourings, List of Codex Specifications for Food Additives, (CAC/MISC 6)*; atau

(b) Bahan perisa asli sama ada dalam keadaan mentah atau selepas diproses secara penyediaan tradisional termasuklah pengeringan, pemanggangan dan penapaian.

(4) Walau apa pun subperaturan (3), penambahan bahan perisa ke dalam makanan adalah dilarang kecuali dibenarkan selainnya oleh Peraturan-Peraturan ini.

(5) Walau apa pun subperaturan (3), penambahan bahan perisa yang dinyatakan dalam Daftar I Jadual Kelapan ke dalam makanan adalah dilarang.

(6) Kadar maksimum yang dibenarkan bagi bahan toksik asli tertentu yang terhasil daripada penambahan bahan perisa asli ke dalam makanan dinyatakan dalam Daftar II Jadual Kelapan:

Dengan syarat jika lebih daripada satu bahan toksik asli itu ada, amaun setiap daripada bahan toksik asli yang ada itu hendaklah merupakan, apabila dinyatakan sebagai peratusan bagi amaun yang dibenarkan itu secara tunggal, jumlah beberapa peratusan yang tidak boleh melebihi satu ratus.

(7) Penyediaan bahan perisa dibenarkan boleh mengandungi bahan pengawet yang dibenarkan, antipengoksida yang dibenarkan dan kondisioner makanan yang dibenarkan.”.

### **Pindaan peraturan 28**

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 28 dengan peraturan yang berikut:

#### **“Barangan seramik**

28. (1) Dalam Peraturan-Peraturan ini, “barangan seramik” bermaksud apa-apa peralatan atau bungkusan barang seramik yang digunakan sebagai barangan makanan, yang dibuat daripada tembikar tulang, porselin, tembikar kaca, tembikar tanah liat termasuk tembikar batu besi dan tembikar batu yang digunakan atau bertujuan untuk digunakan dalam penyediaan, pembungkusan, penstoran, penyerahhantaran atau pendedahan makanan, untuk makanan manusia.

(2) Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini –

- (a) “porselin” atau biasanya dikenali sebagai “tembikar tulang yang setara” ertinya apa-apa tembikar putih seramik selain tembikar batu yang mempunyai jasad putih terbakar dengan penyerapan air tidak lebih daripada 0.4 peratus dan lut cahaya dengan ketebalan beberapa milimeter;
- (b) “tembikar tulang” ertinya apa-apa barangan tembikar atau porselin yang jasadnya mengandungi 25 peratus atau lebih abu tulang semula jadi terkalsin atau trikalsium fosfat dan mempunyai penyerapan air tidak lebih daripada 0.4 peratus;
- (c) “tembikar kaca” atau biasanya dikenali sebagai “tembikar vitreus” atau “tembikar halus” ertinya apa-apa jasad tembikar putih seramik kaca yang putih, legap atau lut

cahaya dan mempunyai penyerapan air tidak lebih daripada 0.4 peratus;

- (d) “tembikar tanah liat” ertinya apa-apa tembikar putih seramik tak vitreus, berliang dan legap yang berglis atau tidak berglis atau berhias yang mengandungi tanah liat sebagai bahan utama dan boleh didapati dalam pelbagai warna, dan mempunyai penyerapan air tidak kurang daripada 3.0 peratus dan tidak lebih daripada 7.0 peratus mengikut berat;
- (e) “tembikar batu” bermaksud apa-apa tembikar putih seramik vitreus atau separa vitreus yang berglis atau tidak berglis atau berhias yang mengandungi tanah liat sebagai bahan utama dan boleh didapati dalam pelbagai warna, dan mempunyai penyerapan air tidak lebih daripada 3.0 peratus dan secara semula jadinya legap kecuali pada kepingan yang sangat nipis;
- (f) “pinggan mangkuk” bermaksud apa-apa barangan seramik yang mempunyai kedalaman di bahagian dalam tidak melebihi 25 milimeter yang diukur dari titik paling bawah hingga satah mengufuk melalui titik limpahan; dan
- (g) “barang cembung” bermaksud apa-apa barangan seramik yang mempunyai kedalaman di bahagian dalam lebih daripada 25 milimeter yang diukur dari titik paling bawah hingga satah mengufuk melalui titik limpahan. Barang cembung boleh dikenal pasti sebagai besar atau kecil mengikut isiannya seperti yang berikut:
  - (i) Barang cembung besar: barang cembung dengan isian 1.1 liter atau lebih.

(ii) Barang cembung kecil: barang cembung dengan isian kurang daripada 1.1 liter.

(3) Bagi maksud subperaturan (1), barangan seramik dikelaskan berdasarkan kategori yang berikut:

(a) Kategori A: porselin, tembikar tulang, tembikar halus, tembikar kaca atau pengkelasan barangan seramik yang lain dengan penyerapan air tidak lebih daripada 0.4 peratus.

(b) Kategori B: tembikar tanah liat dan tembikar batu.

(4) Tiada seorang pun boleh mengimport, mengilang, mengiklankan untuk jualan atau menjual apa-apa barangan seramik yang bertujuan untuk digunakan dalam penyediaan, pembungkusan, penstoran, penyerahantaran atau pendedahan makanan melainkan jika barangan seramik itu diuji mengikut Malaysian Standard MS ISO 6486-1, *Ceramic ware, glass ceramic ware and glass dinnerware in contact with food – Release of lead and cadmium – Part 1: Test method*, dan jumlah plumbum dan kadmium yang dibebaskan daripada barangan seramik tersebut tidak melebihi kadar maksimum yang dibenarkan sebagaimana yang ditetapkan dalam Daftar I Jadual Ketiga Belas.

(5) Barangan seramik hendaklah juga mematuhi spesifikasi yang dinyatakan dalam Daftar II Jadual Ketiga Belas.

(6) Mana-mana orang yang mengimport, mengilang, mengiklankan untuk jualan atau menjual barangan seramik hendaklah memastikan bahawa setiap barangan seramik dilabel secara jelas dan kekal dengan maklumat yang berikut:

(a) Nama, tanda dagangan atau apa-apa cara lain untuk mengenal pasti pengilang atau pembekal;

- (b) Nama negara asal produk itu;
- (c) Salah satu daripada pengkelasan yang berikut:
  - (i) Tembikar tulang;
  - (ii) Porselin;
  - (iii) Tembikar kekaca;
  - (iv) Tembikar tanah liat;
  - (v) Tembikar batu; atau
  - (vi) Apa-apa pengkelasan lain barangan seramik termasuklah *terracotta*; dan
- (d) Perkataan 'UNTUK SENTUHAN MAKANAN', atau suatu simbol sebagaimana yang dinyatakan dalam Daftar III Jadual Ketiga Belas.

(7) Bagi maksud subperaturan (6), maklumat itu hendaklah mudah dilihat dan jelas, dan –

- (a) jika barangan seramik disediakan, dikilang atau dibungkus di Malaysia, dalam bahasa Melayu; atau
- (b) jika barangan seramik diimport, dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris,

dan dalam mana-mana keadaan boleh termasuk terjemahannya dalam apa-apa bahasa lain.”.

**Pindaan peraturan 133**

4. Peraturan 133 Peraturan-Peraturan ibu dipinda –

(a) dengan memasukkan selepas subperaturan (2B) subperaturan yang berikut:

“(2C) Neotame boleh ditambah kepada makanan yang dinyatakan dalam ruang (1) Daftar III Jadual Ketujuh Belas dalam kadar yang tidak lebih daripada kadar maksimum yang dibenarkan yang dinyatakan dalam ruang (2) mengenainya.”;

(b) dengan memotong subperaturan (5), (6), (7), (8), (9), (10) dan (11); dan

(c) dengan memasukkan selepas subperaturan (13) subperaturan yang berikut:

“(14) Perkataan “TIDAK SESUAI BAGI FENILKETONURIK” hendaklah ditulis dalam label pada suatu bungkusan yang mengandungi makanan yang padanya neotame telah ditambah, dalam penghurufan yang tidak kurang daripada 10 poin perkataan.”.

**Pindaan peraturan 167**

5. Peraturan 167 Peraturan-Peraturan ibu dipinda –

(a) dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Bebola ikan atau kek ikan boleh mengandungi pengawet yang dibenarkan, penambah perisa yang dibenarkan dan kondisioner makanan yang dibenarkan termasuk transglutaminase.”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:



“(3) Bebola ikan atau kek ikan hendaklah disimpan pada suhu 5°C bagi maksud penstoran, pengangkutan dan penjualan bebola ikan atau kek ikan itu.

(4) Perkataan “disimpan di bawah suhu 5°C” hendaklah ditulis dalam label bungkusan yang mengandungi bebola ikan atau kek ikan.”.

### **Pindaan peraturan 253**

6. Peraturan 253 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas subperaturan (3) subperaturan yang berikut:

“(4) Santan kelapa boleh mengandungi bahan pengawet yang dibenarkan.

(5) Tiada apa-apa dalam subperaturan (4) terpakai bagi santan kelapa daripada jenis, kualiti, kuantiti, asal atau jenama yang diminta oleh pembeli dan ditimbang, dikira atau disukat semasa kehadiran pembeli.”.

### **Pindaan Jadual Kelima**

7. Jadual Kelima Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas butiran “Lemak makan dan minyak makan selain marjerin di dalam bekas kedap udara” butiran “Bebola ikan atau kek ikan”.

### **Pindaan Jadual Keenam**

8. Jadual Keenam Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam Daftar I–

(a) dengan memasukkan selepas butiran “Rempah kari” dalam ruang (1) dan butir-butir yang berhubungan dengannya butiran dan butir-butir yang berikut:

“Santan kelapa	Tiada	1000	Tiada”; dan
----------------	-------	------	-------------

(b) dengan menggantikan butiran “Pes ikan, belacan, cincalok, otak udang dan pekasam” dalam ruang (1) dan butir-butir yang berhubungan dengannya dengan butiran dan butir-butir yang berikut:

“Pes ikan, belacan, cincalok, otak udang, pekasam, bebola ikan dan kek ikan	Tiada	750	Tiada”.
---	-------	-----	---------

### Pindaan Jadual Kelapan

9. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Kelapan dengan Jadual yang berikut:

#### “JADUAL KELAPAN (Peraturan 22)

#### DAFTAR I BAHAN PERISA YANG DILARANG

Bahan perisa yang berikut adalah dilarang untuk ditambah ke dalam makanan:

Minyak kadena

Kokaina

Nitrobenzena

Apa-apa bahan perisa lain yang berbahaya atau mungkin berbahaya kepada kesihatan

#### DAFTAR II

#### KADAR MAKSIMUM YANG DIBENARKAN BAGI BAHAN TOKSIK ASLI TERTENTU HASIL DARIPADA PENAMBAHAN BAHAN PERISA ASLI KE DALAM MAKANAN

(1) Bahan toksik asli	(2) Makanan	(3) Kadar maksimum yang dibenarkan dalam miligram bagi setiap kilogram (mg/kg)
Asid agarik	Minuman selain minuman beralkohol dan syandi	20
	Minuman beralkohol, syandi, makanan yang mengandungi cendawan.....	100
	Makanan lain yang diproses	20
Jumlah asid	Minuman selain minuman beralkohol dan syandi	1

(1) Bahan toksik asli	(2) Makanan	(3) Kadar maksimum yang dibenarkan dalam miligram bagi setiap kilogram (mg/kg)
hidrosianik	Minuman beralkohol dan syandi Konfeksi gula selain marzipan Marzipan Jus buah biji keras Makanan lain yang diproses	1 (setiap 1% kandungan alkohol) 25 50 5 1
Pulegon	Minuman selain minuman berperisa pepermin atau pudina... .. Minuman berperisa pepermin atau pudina Konfeksi gula pudina Makanan lain yang diproses	100 250 350 25
Kuasin	Minuman selain minuman beralkohol dan syandi Minuman beralkohol, syandi Makanan lain yang diproses	5 50 5
Kuinin	Minuman selain minuman beralkohol dan syandi Minuman beralkohol, syandi Makanan lain yang diproses	85 300 0.1
Tujon	Minuman selain minuman beralkohol dan syandi Minuman beralkohol yang mengandungi < 25 peratus isipadu bagi setiap isipadu alkohol... .. Minuman beralkohol yang mengandungi > 25 peratus isipadu bagi setiap isipadu alkohol... .. Makanan mengandungi sej Makanan lain yang diproses	0.5 5 10 25 0.5
Aloin	Minuman beralkohol Makanan lain yang diproses	50 0.1
Berberina	Minuman beralkohol Makanan lain yang diproses	10 0.1
Beta-azaron	Minuman beralkohol Makanan lain yang diproses	1.0 0.1
Kumarin	Minuman beralkohol Makanan bijirin tersedia Konfeksi gula Konfeksi sajian Konfeksi tepung Rempah ratus Makanan lain yang diproses	10 20 10 5 15 10 2
Hiperisina	Minuman beralkohol Makanan lain yang diproses	2 0.1

(1) Bahan toksik asli	(2) Makanan	(3) Kadar maksimum yang dibenarkan dalam miligram bagi setiap kilogram (mg/kg)
Safrola	Minuman beralkohol yang mengandungi < 25% alkohol mengikut isipadu..... Minuman beralkohol yang mengandungi > 25% alkohol mengikut isipadu..... Hasil ikan dan hasil daging Makanan mengandungi bunga pala dan buah pala Sup dan sos Makanan lain yang diproses	2 5 15 15 25 1
Santonin	Minuman beralkohol Makanan lain yang diproses	1 0.1
Minyak rue	Konfeksi tepung Aiskrim, konfeksi ais dan konfeksi sejuk beku Konfeksi gula Makanan lain yang diproses	10 10 10 4
Sparteina	Minuman beralkohol Makanan lain yang diproses	5 0.1
Teukrin A	Spirit dan likeur Minuman beralkohol lain	5 2".

**Pindaan Jadual Ketiga Belas**

10. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Ketiga Belas dengan Jadual yang berikut:

“JADUAL KETIGA BELAS  
(Peraturan 28)

DAFTAR I  
KADAR MAKSIMUM YANG DIBENARKAN BAGI PEMBEBASAN PLUMBUM DAN  
KADMIUM

<b>Jenis barangan seramik</b>	<b>Unit</b>	<b>Plumbum</b>	<b>Kadmium</b>
Pinggan mangkuk	mg/dm <sup>2</sup>	0.8	0.07
Barang cembung kecil	mg/l	2.0	0.20
Barang cembung besar	mg/l	1.0	0.20

## DAFTAR II

## KEHENDAK UNTUK BARANGAN SERAMIK

Parameter	Kehendak			Kaedah ujian
	Kategori A	Kategori B		
		Tembikar tanah liat	Tembikar batu	
Penyerapan air, %	Tidak lebih daripada 0.4	Tidak kurang daripada 3.0 dan tidak lebih daripada 7.0	Tidak lebih daripada 3.0	rujuk MS ISO 6486-1
Kejutatan terma, °C	160	160		rujuk MS ISO 6486-1
Rintangan menyerpih, J: Pinggan dengan garis pusat > 220 mm	0.25	Tidak berkenaan		rujuk MS ISO 6486-1
Pinggan dengan garis pusat ≤ 220 mm	0.18	Tidak berkenaan		
Cawan/koleh/mangkuk (dengan bibir)	0.10	Tidak berkenaan		
Cawan/koleh/mangkuk (tanpa bibir)	0.12	Tidak berkenaan		
Retakan	Tiada satu pun kepingan ujian menunjukkan retakan			rujuk MS ISO 6486-1

CATATAN: Faktor pertukaran: J = kaki-lbf x 1.3558; kaki-lbf = J x 0.73756

## DAFTAR III

**Pindaan Jadual Ketujuh Belas**

11. Jadual Ketujuh Belas Peraturan-Peraturan ibu dipinda –

(a) dalam Daftar I, di bawah butiran “BAHAN PEMANIS TANPA ZAT YANG DIBENARKAN” dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:

“(d) Neotame”;

(b) dalam Daftar II, dengan memasukkan selepas butiran “Minuman ringan tenaga rendah” dalam ruang (1) dan butir-butir yang berhubungan dengannya butiran dan butir-butir yang berikut:

“Makanan pendietan berformula 450 mg/kg”;

(c) dalam Daftar II, dengan menggantikan perkataan “Minuman ringan tenaga rendah lain” dalam ruang (1) dengan perkataan “Makanan tenaga rendah (kecuali minuman ringan tenaga rendah)”;

(d) dengan memasukkan selepas Daftar II daftar yang berikut:

“[Subperaturan 133 (2C)]

Daftar III

**KADAR MAKSIMUM YANG DIBENARKAN BAGI NEOTAME DALAM MAKANAN  
TERTENTU**

(1) Makanan	(2) Kadar maksimum yang dibenarkan
Minuman berperisa berkarbonat	15 mg/l
Makanan rendah tenaga	50 mg/kg”.

**Pindaan Jadual Kelapan Belas**

12. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong Jadual Kelapan Belas.

**Pindaan Jadual Kesembilan Belas**

13. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong Jadual Kesembilan Belas.

**Pindaan Jadual Kedua Puluh**

14. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong Jadual Kedua Puluh.

Dibuat 27 Ogos 2012

[KKM-163/S/6; PN(PU2)418/XVIII]

Dato' Sri Liow Tiong Lai  
*Menteri Kesihatan*



FOOD ACT 1983

FOOD (AMENDMENT) (NO. 3) REGULATIONS 2012

IN exercise of the powers conferred by section 34 of the Food Act 1983 [*Act 281*], the Minister makes the following regulations:

**Citation**

1. These regulations may be cited as the **Food (Amendment) (No. 3) Regulations 2012**.

**Amendment of regulation 22**

2. The Food Regulations 1985 [*P.U. (A) 437/1985*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended by substituting for regulation 22 the following regulation:

“22. (1) In these Regulations, “flavouring substance” means any chemically-defined substance with flavouring properties either formed by chemical synthesis or obtained from materials of plant or animal origin.

(2) For the purposes of these Regulations, “natural flavouring substance” means any flavouring substance obtained by physical processes that may result in unavoidable but unintentional changes in the chemical structure of the components of the flavouring, or by enzymatic or microbiological processes from material of plant or animal origin, and is not synthetic flavouring substance or any flavouring substance formed by chemical synthesis.

(3) Permitted flavouring substances are as follows –

(a) Substances which are listed in at least one of the following publications:

(i) Generally Recognised As Safe (GRAS) Flavoring Substances published by the Flavor and Extract

Manufacturers' Association of the United States (FEMA) contained in the Food Technology, a publication of the Institute of Food Technologists; or

(ii) Flavourings, List of Codex Specifications for Food Additives (CAC/MISC 6); or

(b) Natural flavouring substance either in its raw state or after processing by traditional preparation process including drying, roasting, and fermentation.

(4) Notwithstanding subregulation (3), the addition of flavouring substance into food is prohibited except as otherwise permitted by these Regulations.

(5) Notwithstanding subregulation (3), the addition of flavouring substance specified in Table I of Eighth Schedule into food is prohibited.

(6) The maximum permitted proportion of certain natural toxicants resulted from the addition of natural flavouring substances into food is specified in Table II of Eighth Schedule:

Provided that where more than one of such natural toxicants are present, the amount of each shall be, such that when expressed as a percentage of the amount permitted singly, the sum of the several percentages which does not exceed one hundred.

(7) Preparation of permitted flavouring substance may contain permitted preservative, permitted antioxidant and permitted food conditioner.”.

### **Amendment of regulation 28**

3. The principal Regulations are amended by substituting for regulation 28 the following regulation:

**“Ceramic ware**

28. (1) In these Regulations, “ceramic ware” means any appliance or package of ceramic article which is used as food-ware, made of bone china, porcelain, vitrified china, earthenware including iron stoneware and stoneware that are used or intended to be used in the preparation, packaging, storage, delivery or exposure of food, for human consumption.

(2) For the purposes of these Regulations –

- (a) “porcelain” or commonly known as “equivalent bone china” means any ceramic whiteware other than stoneware having a fired white body with water absorption of not more than 0.4 per cent and is translucent in thickness of several millimeters;
- (b) “bone china” means any chinaware or porcelain where the body of which contains 25 per cent or more of calcined natural bone ash or tricalcium phosphate and has a water absorption of not more than 0.4 per cent;
- (c) “vitrified china” or commonly known as “vitreous china” or “fine china” means any white, opaque or translucent vitrified ceramic whiteware body and has a water absorption of not more than 0.4 per cent;
- (d) “earthenware” means any glazed or unglazed or decorated non-vitreous, porous and opaque ceramic whiteware which contains clay as an essential ingredient and can be of variable colour, and has water absorption of not less than 3.0 per cent and not more than 7.0 per cent by weight;

- (e) “stoneware” means any glazed or unglazed or decorated vitreous or semi-vitreous ceramic whiteware which contains clay as an essential ingredient and can be of variable colour, and has a water absorption of not more than 3.0 per cent, and is naturally opaque except in very thin pieces;
- (f) “flatware” means any ceramic ware having an internal depth not exceeding 25 millimeters, measured from the lowest point to the horizontal plane passing through the point of overflow; and
- (g) “hollow-ware” means any ceramic ware having an internal depth greater than 25 millimeters, measured from the lowest point to the horizontal plane passing through the point of overflow. Hollow-ware may be termed large or small according to its capacity as follows:

  - (i) Large hollow-ware: hollow-ware with a capacity of 1.1 litres or more.
  - (ii) Small hollow-ware: hollow-ware with a capacity of less than 1.1 litres.

(3) For the purpose of subregulation (1), ceramic ware is classified into the following categories:

- (a) Category A: porcelain, bone china, fine china, vitrified china or other classification of ceramic ware with water absorption of not more than 0.4 per cent.
- (b) Category B: earthenware and stoneware.

(4) No person shall import, manufacture, advertise for sale or sell any ceramic ware that is intended for the use in the preparation, packaging, storage, delivery or exposure of food unless when the ceramic ware is tested in accordance with Malaysian Standard MS ISO 6486-1, *Ceramic ware, glass ceramic ware and glass dinnerware in contact with food – Release of lead and cadmium – Part 1: Test method*, and the amount of lead and cadmium released from the ceramic ware does not exceed the maximum permitted proportion as specified in Table I of the Thirteenth Schedule.

(5) Ceramic ware shall also conform to the specification specified in Table II of the Thirteenth Schedule.

(6) Any person who imports, manufactures, advertises for sale or sell ceramic ware shall ensure that each of the ceramic ware is clearly and permanently labelled with the following information:

(a) Name, trademark or any other means of identifying the manufacturer or supplier;

(b) Name of the country of origin of the product;

(c) Any of the following classification:

(i) Bone china;

(ii) Porcelain;

(iii) Vitrified china;

(iv) Earthenware;

(v) Stoneware; or

(vi) Any other classification of ceramic ware including terracotta; and

(d) The words 'FOR FOOD CONTACT', or the symbol as specified in Table III of the Thirteenth Schedule.

(7) For the purpose of subregulation (6), the information shall appear conspicuously and prominently, and –

(a) in the case of ceramic ware prepared, manufactured or packaged in Malaysia, be in Malay language; or

(b) in the case of imported ceramic ware, be in Malay or English language,

and in either case may include translation thereof in any other language.”.

### **Amendment of regulation 133**

4. Regulation 133 of the principal Regulations is amended –

(a) by inserting after subregulation (2B) the following subregulation:

“(2C) Neotame may be added to the food specified in column (1) of Table III of the Seventeenth Schedule in a proportion not greater than the maximum permitted proportion specified in column (2) thereof.”;

(b) by deleting subregulations (5), (6), (7), (8), (9), (10) and (11); and

(c) by inserting after subregulation (13) the following subregulation:

“(14) The words “UNSUITABLE FOR PHENYLKETONURICS” shall be written in the label on a package containing food to which neotame has been added, in not less than 10 point lettering.”.

#### **Amendment of regulation 167**

5. Regulation 167 of the principal Regulations is amended –

(a) by substituting for subregulation (2) the following subregulation:

“(2) Fish ball or fish cake may contain permitted preservative, permitted flavour enhancer and permitted food conditioner including transglutaminase.”; and

(b) by inserting after subregulation (2) the following subregulations:

“(3) Fish ball or fish cake shall be kept at a temperature below 5°C for the purpose of storage, carriage and sale of the fish ball or fish cake.

(4) The words “keep chilled below 5°C” shall be written in the label containing fish ball or fish cake.”.

#### **Amendment of regulation 253**

6. Regulation 253 of the principal Regulations is amended by inserting after subregulation (3) the following subregulations:

“(4) Coconut milk may contain permitted preservative.

(5) Nothing in subregulation (4) shall apply to any coconut milk which is of the nature, quality, quantity, origin or brand requested by the purchaser and is weighed, counted or measured in the presence of the purchaser.”.

**Amendment of Fifth Schedule**

7. The Fifth Schedule to the principal Regulations is amended by inserting after the item “Edible fat and edible oil other than margarine in hermetically sealed containers” the item “Fish ball or fish cake”.

**Amendment of Sixth Schedule**

8. The Sixth Schedule of the principal Regulations is amended in Table I–

(a) by inserting after the item “Curry paste” in column (1) and the particulars relating to it the following items and particulars:

“Coconut milk	Nil	1000	Nil”; and
---------------	-----	------	-----------

(b) by substituting for the item “Fish paste, belacan, cincalok, otak udang and pekasam” in column (1) and the particulars relating to it the following items and particulars:

“Fish paste, belacan, cincalok, otak udang, pekasam, fish ball and fish cake	Nil	750	Nil”.
---	-----	-----	-------

**Amendment of Eight Schedule**

9. The principal Regulations are amended by substituting for the Eight Schedule the following Schedule:

“EIGHTH SCHEDULE

(Regulation 22)

TABLE I

**PROHIBITED FLAVOURING SUBSTANCE**

The following flavouring substances are prohibited to be added into food:

Cade oil

Cocaine



Nitrobenzene

Any other flavouring substance that is injurious or likely to be injurious to health

TABLE II

**MAXIMUM PERMITTED PROPORTION OF CERTAIN NATURAL TOXICANTS  
RESULTING FROM THE ADDITION OF NATURAL FLAVOURING SUBSTANCES INTO  
FOODS**

(1) Natural toxicants	(2) Food	(3) Maximum permitted proportions in milligram per kilogram (mg/kg)
Agaric acid	Beverages other than alcoholic beverages and shandy	20
	Alcoholic beverages, shandy, food containing mushroom... ..	100
	Other processed foods	20
Total hydrocyanic acid	Beverages other than alcoholic beverages and shandy	1
	Alcoholic beverages and shandy	1 (per 1% alcohol content)
	Sugar confection other than marzipan	25
	Marzipan	50
	Stone fruit juice	5
Pulegone	Other processed foods	1
	Beverages other than peppermint or mint flavoured beverages ...	100
	Peppermint or mint flavoured beverages	250
	Mint sugar confectionery	350
	Other processed foods	25
Quassin	Beverages other than alcoholic beverages and shandy	5
	Alcoholic beverages, shandy	50
	Other processed foods	5
Quinine	Beverages other than alcoholic beverages and shandy	85
	Alcoholic beverages, shandy	300
	Other processed foods	0.1
Thujones	Beverages other than alcoholic beverages and shandy	0.5
	Alcoholic beverages containing < 25 per cent volume per volume of alcohol ... ..	5
	Alcoholic beverages containing > 25 per cent volume per volume of alcohol ... ..	10
	Food containing sage	25
	Other processed foods	0.5
Aloin	Alcoholic beverages	50
	Other processed foods	0.1

(1) Natural toxicants	(2) Food	(3) Maximum permitted proportions in milligram per kilogram (mg/kg)
Berberine	Alcoholic beverages Other processed foods	10 0.1
Beta-azarone	Alcoholic beverages Other processed foods	1.0 0.1
Coumarin	Alcoholic beverages Prepared cereal food Sugar confection Table confection Flour confection Spices Other processed foods	10 20 10 5 15 10 2
Hypericine	Alcoholic beverages Other processed foods	2 0.1
Safrole	Alcoholic beverages containing < 25% alcohol by volume... .. ..... Alcoholic beverages containing > 25% alcohol by volume ... .. ..... Fish products and meat products Food containing mace and nutmeg Soups and sauces Other processed foods	2  5 15 15 25 1
Santonin	Alcoholic beverages Other processed foods	1 0.1
Rue oil	Flour confection Ice cream, ice confection and frozen confection Sugar confection Other processed foods	10 10 10 4
Sparteine	Alcoholic beverages Other processed foods	5 0.1
Teucrin A	Spirit and liqueur Other alcoholic beverages	5 2".

**Amendment of Thirteenth Schedule**

11. The principal Regulations are amended by substituting for the Thirteenth Schedule the following Schedule:

**“THIRTEENTH SCHEDULE**

(Regulation 28)

TABLE I

**MAXIMUM PERMITTED PROPORTION OF LEAD AND CADMIUM RELEASE**

<b>Type of ceramic ware</b>	<b>Unit</b>	<b>Lead</b>	<b>Cadmium</b>
Flat ware	mg/dm <sup>2</sup>	0.8	0.07
Small hollow-ware	mg/l	2.0	0.20
Large hollow-ware	mg/l	1.0	0.20

TABLE II  
**REQUIREMENTS FOR CERAMIC WARE**

Parameter	Requirement			Test method
	Category A	Category B		
		Earthenware	Stoneware	
Water absorption, %	Not more than 0.4	Not less than 3.0 and not more than 7.0	Not more than 3.0	refer to MS ISO 6486-1
Thermal shock, °C	160	160		refer to MS ISO 6486-1
Chipping resistance, J: Plate > 220 mm in diameter	0.25	Not applicable		refer to MS ISO 6486-1
Plate ≤ 220 mm in diameter	0.18	Not applicable		
Cup/mug/bowl (with lip)	0.10	Not applicable		
Cup/mug/bowl (without lip)	0.12	Not applicable		
Crazing	None of the test pieces show crazing			refer to MS ISO 6486-1

NOTE: Conversion factor:  $J = \text{ft-lbf} \times 1.3558$ ;  $\text{ft-lbf} = J \times 0.73756$

TABLE III



**Amendment of Seventeenth Schedule**

11. Seventeenth Schedule of the principal Regulations is amended –

(a) in Table I, under item “PERMITTED NON-NUTRITIVE SWEETENING SUBSTANCE” by inserting after paragraph (c) the following paragraph:

“(d) Neotame”;

(b) in Table II, by inserting after the item “Low energy soft drink” in column (1) and the particulars relating to it the following item and particulars:

“Formula dietary food 450 mg/kg”;

(c) in Table II, by substituting for the words “Other low energy soft drink” in column (1) the words “Low energy food (except low energy soft drink)”;  
and

(d) by inserting after Table II the following table:

“[Subregulation 133(2C)]

Table III

**MAXIMUM PERMITTED PROPORTION OF NEOTAME IN SPECIFIED FOOD**

(1) Food	(2) Maximum permitted proportion
Carbonated flavoured drink	15 mg/l
Low energy food	50 mg/kg”.

**Amendment of Eighteenth Schedule**

12. The principal Regulations are amended by deleting the Eighteenth Schedule.

**Amendment of Nineteenth Schedule**

13. The principal Regulations are amended by deleting the Nineteenth Schedule.

**Amendment of Twentieth Schedule**

14. The principal Regulations are amended by deleting the Twentieth Schedule.

Made 27 August 2012

[KKM-163/S/6; PN(PU2)418/XVIII]

Dato' Sri Liow Tiong Lai  
*Minister of Health*